

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini berkenaan benteng pemecah ombak di muara Sungai Merang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sedia maklum berkenaan isu pemendapan di Muara Sg. Merang. Pada masa ini kerja pengorekan minimum alur pelayaran di kawasan tersebut dilaksanakan oleh JPS untuk kerja-kerja penambakan di Kampung Telipot. Kerja-kerja jangka pendek sebegini akan berterusan mengikut keperluan.
2. Di bawah *Rolling Plan* ke-4 (RP4) RMKe-11, Kerajaan telah meluluskan Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Merang, Daerah Setiu, Terengganu untuk dilaksanakan JPS dengan kos projek sebanyak RM2 juta. Kajian ini dalam perlaksanaan di peringkat Draf Laporan Akhir dan dijangka siap pada Januari 2022.
3. Bagi perancangan rekabentuk seterusnya, permohonan peruntukan akan dibuat dalam *Rolling Plan* Ke-3 (RP3) RMK-12. Kerja-kerja fizikal dijangka bermula pada penghujung 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dasar fiskal yang sedang dan akan direncanakan bagi mengurangkan jurang kemiskinan di kawasan- kawasan pedalaman dan luar bandar di negeri Sabah secara amnya dan kawasan Parlimen Kota Belud secara khususnya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam RMKe-12, bantuan Kerajaan bagi jangka sederhana dan panjang akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 dengan:

- Menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan;
- Menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan;

- Menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan; dan
 - Meningkatkan perlindungan sosial.
2. Kerajaan juga akan memperkuuh pembangunan sosioekonomi di Sabah, termasuk menangani kemiskinan dan mempelbagaikan sumber pendapatan serta memperkuuh pembangunan sosioekonomi bagi Anak Negeri Sabah. Melalui Program Khas Anak Negeri Sabah, program/projek yang dirancang akan memberi fokus kepada pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah terutamanya berkaitan hak tanah adat, Mahkamah Adat dan pembangunan modal insan.
3. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan memainkan peranan bagi memperkuuh kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Untuk ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM42.9 juta untuk tahun 2021.
4. Kerajaan akan melaksanakan model pembasmian kemiskinan tegar secara holistik dengan menggunakan pendekatan keseluruhan negara. Lokaliti di daerah-daerah termiskin akan dipilih bersama-sama Kerajaan Negeri supaya pendekatan holistik melibatkan Kerajaan, sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil dapat dilaksanakan.
5. Untuk makluman Yang Berhormat jua, antara projek utama di Parlimen Kota Belud di bawah *Rolling Plan* Pertama tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan siling pembangunan berjumlah RM136.7 juta termasuk projek seperti berikut:
- i. **Kementerian Alam Sekitar dan Air**
- Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kedamaian/Sg. Tempasuk/Sg. Abai & Sg Kawang-Kawang.
- ii. **Kementerian Kerja Raya**
- Pembaikan cerun-cerun Jalan Kota Belud-Kudat.

iii. Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Projek bekalan air luar bandar, menaiktaraf Jambatan Sg. Tambilung, menaik taraf Jalan Dudar, Jalan Tengkurus Lahanas Siba, Jalan Sayap dan Jalan Podos Taginambur.

iv. Kementerian Pendidikan

Pelbagai projek pembinaan dan naik taraf bangunan sekolah, prasekolah, bilik darjah, asrama, pejabat guru dan bekalan air telaga di sekolah sekitar Kota Belud.

v. Kementerian Pertahanan

Projek Pembinaan Kem Brigade dan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

vi. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Pelbagai projek pembinaan dan naik taraf sekitar Jawi-Jawi dan Tempasuk, pembangunan dan pengurusan teknologi tanaman padi secara lestari, pembangunan dan pengurusan pemulihian tanah sawah bermasalah, pembangunan kemudahan latihan teknologi pertanian moden di Institut Pertanian Sabah Timbang Menggaris.

vii. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bazar Rakyat dan projek naik taraf balai bomba dan penyelamat

viii. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Projek Pembahagian – SSU Pirasan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dasar Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital khususnya dalam menangani jurang digital di kawasan bandar dan luar bandar sejak ia dilancarkan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2021 telah memperkenalkan beberapa strategi dan inisiatif khusus untuk menangani jurang digital. Ini termasuk:

- (i) Meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia yang inklusif dalam aktiviti digital;
- (ii) Memperkasa kumpulan sasar khusus dalam masyarakat untuk turut serta dalam ekonomi digital melalui aktiviti keusahawanan;

- (iii) Meningkatkan keupayaan infrastruktur teknologi digital;
- (iv) Menjadikan jalur lebar sebagai infrastruktur asas mandatori untuk memastikan ketersediaan akses;
- (v) Menyediakan platform untuk mengenal pasti keperluan jalur lebar masa nyata untuk perancangan dan pemantauan yang berkesan bagi pembangunan baharu;
- (vi) Memperkenalkan program “*My Device*” untuk memastikan semua pelajar di Malaysia mendapat akses kepada pembelajaran digital; dan
- (vii) Mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk menjadi masyarakat tanpa tunai.

2. Sehingga kini, telah terdapat beberapa kejayaan daripada pelaksanaan strategi dan inisiatif RTEDM. Antara kejayaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) liputan rangkaian mudah alih 4G telah diperluas daripada 91.8% kepada 94.03% di kawasan berpenduduk;
- (ii) kelajuan jalur lebar dipertingkat daripada 25 Mbps kepada 31.34 Mbps;
- (iii) Sebanyak 873 Pusat Internet Komuniti dan 37 Pusat Internet Desa akan ditransformasi kepada Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) yang akan menyediakan aktiviti e-dagang, latihan kemahiran dan pembelajaran kepada masyarakat setempat; dan
- (iv) Seramai 1,478 usahawan telah menjalankan perniagaan dalam talian menggunakan platform e-dagang menerusi Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK).

NO SOALAN : 21

3. Pelaksanaan RTEDM akan terus dipantau oleh Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Banyak lagi pencapaian yang dijangka akan terus diperoleh hasil daripada pelaksanaan RTEDM. Di samping itu, pelbagai strategi dan inisiatif untuk menangani jurang digital telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah, Bab 7: Memperkuuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak, Bab 11: Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju serta Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif.
4. Kesemua usaha dan inisiatif yang dirancang ini akan membolehkan rakyat mendapat peluang yang saksama bagi menyertai dan mendapat faedah daripada ekonomi digital.

Sekian, terima kasih.